

23 APR 1999

RAKYAT PERLU SEDAR FITNAH MELALUI INTERNET

JERTEH, 23 April (Bernama) -- Rakyat diminta tidak terpengaruh dengan maklumat tidak benar, melalui Internet, bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, anggota Kabinet dan anggota keluarga mereka mempunyai simpanan berjuta-juta ringgit di seberang laut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli berkata maklumat tersebut merupakan penipuan dan pembohongan yang sengaja dibuat dengan niat memburukkan nama pemimpin-pemimpin negara.

Katanya, maklumat terbaru yang dikeluarkan beberapa hari lalu pula mengatakan beberapa anggota kabinet termasuk beliau sendiri mempunyai simpanan di Singapura, AS\$2 juta setiap seorang.

Rakyat tidak perlu mempercayai perkara tersebut kerana kerajaan khususnya Perdana Menteri telah mengambil tindakan memeriksa akaun setiap anggota Kabinet dan tiada seorang pun mempunyai akaun di luar negara seperti yang didakwa, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Besut di dewan besar Majlis Daerah Besut di sini hari ini.

Di samping itu, beliau berharap anggota Umno akan terus bersatu dan sentiasa menegakkan parti, walaupun pemimpinnya saling bertukar ganti.

-- BERNAMA

ND RI